

## **BAB 2**

### **PENYELIDIKAN ARKEOLOGI DI LEMBAH BUJANG**

#### **2.1 Pengenalan**

Penyelidikan terhadap pengaruh Hindu-Buddha di Lembah Bujang telah dimulai sekitar tahun 1840 an oleh Kolonel James Low. Pada peringkat awal penyelidikan yang telah dilakukan oleh beliau masih merupakan sesuatu yang belum bersistematis. Walaupun penyelidikan beliau tidak dapat dianggap sebagai data yang lengkap tetapi ianya telah mengorak langkah kepada ahli sejarah dan juga ahli arkeologi yang berminat terhadap perkembangan Hindu-Buddha di Lembah Bujang amnya serta terhadap perkembangan sejarah Hindu-Buddha di Kedah pada umumnya. Sehubungan dengan hal tersebut ianya telah menarik minat para sarjana tempatan dan juga daripada barat untuk terus meneliti bukan sahaja perkembangan perdagangan dan keagamaan di Lembah Bujang bahkan ke arah untuk lebih mengetahui bagaimana pola kehidupan bermasyarakat di Lembah Bujang pada waktu tersebut. Perkembangan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan yang telah dimainkan oleh Lembah Bujang dalam berbagai aspek.

#### **2. 2 Penyelidikan Awal**

Penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah bermula pada awal tahun 1800 an. Penyelidikan awal ini dapat dianggap sebagai menjelaki peninggalan sejarah lampau Lembah Bujang. Pada tahap ini penemuan tapak arkeologi ditemui secara tidak sengaja dan tumpuan penyelidikan lebih ditumpukan kepada berbentuk catatan laporan ringkas semata-mata.

Penelitian terhadap peninggalan Hindu-Buddha di Kedah dan di Seberang Prai ( Province Wellesley ) pertama kali telah dilakukan oleh Kolonel James Low<sup>1</sup> pada tahun 1840 an. Pada waktu tersebut beliau adalah residen di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun hasil daripada penyelidikan beliau tidak dapat dijadikan landasan sebagai data arkeologi. Hal ini berdasarkan kepada hasil yang telah diperolehi oleh beliau sewaktu melakukan penyelidikan di Kedah dan Seberang Prai hanyalah direkodkan sebagai catatan dan data yang telah diperolehi juga lebih cenderung ke arah deskripsi.

Di antara hasil penemuan terpenting sepanjang beliau melakukan penelitian dan penyelidikan di Kedah dan Seberang Prai adalah peninggalan berupa runtuhan bangunan candi, arca dan inskripsi batu.

*“ In all my numerous excursion in the jungles here I have discovered undoubted relics of the Hindoo along with ruins of temples. This tract extends along the talus of the Kedda mountain Jerrai... ”<sup>2</sup>*

Berdasarkan kepada laporannya, Kolonel James Low hanya menyebut runtuhan candi Hindu yang berada di dalam keadaan berselerakan tetapi tidak dijelaskan bahan binaan candi tersebut serta andaianya mengapa beliau lebih cenderung menyatakan candi berkenaan sebagai candi Hindu. Hal yang sama juga berlaku pada laporan penemuan artifak berupa arca oleh James Low yang dicatat oleh beliau berada di dalam keadaan yang tidak lengkap.<sup>3</sup> Arca yang telah beliau jumpai juga tidak dijelaskan dengan terperinci mengenai ukuran, deskripsi arca sama ada berpengaruh Hindu ataupun Buddha, bahan arca tersebut dibuat ataupun jenis batuannya.

---

<sup>1</sup> Michael Sullivan, “ Excavations in Kedah ...”, hlm. 190.

<sup>2</sup> H.G Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 4.

<sup>3</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kepada jumpaan bangunan candi yang berada di dalam keadaan runtuhan dan arca yang tidak lengkap, James Low telah mengambil kesimpulan bahawa keadaan tersebut disebabkan oleh arus ajaran Islam yang menjadi anutan masyarakat tempatan kemudiannya, sehingga segala unsur yang bertentangan dengan konsep ajaran Islam dimusnahkan.

*“... several passage, the Malays after their conversion to Islam most zealously carried out the destruction of all the ‘ heathen iduls ’ they could lay their hands on ”<sup>4</sup>*

Berdasarkan kepada catatan Hikayat Merong Mahawangsa, andaian yang telah dikemukakan oleh Kolonel James Low ada kebenarannya kerana pada awal kemasukan Islam di negeri Kedah oleh Syeikh Abdullah maka segala berhala telah diarah untuk dimusnahkan.

*“ Maka di-suroh-lah oleh menteri keempat kerahkan sakalian ra’ayat, maka di-ajar oleh Sheikh Abdullah akan menguchap kalimah shahadat dan sakalian berhala yang di-pakai oleh mereka itu di-minta-nya di-hanchurkan sakalian-nya dan menteri keempat pun bersama menyuroh kerjakan yang demikian itu ”<sup>5</sup>*

James Low juga telah melakukan penyelidikan di bahagian selatan puncak Gunung Jerai. Hasil daripada penyelidikan tersebut, beliau telah menemukan runtuhan yang diduga berasal daripada sebuah candi. James Low berpendapat demikian kerana berdasarkan hasil galicari, beliau telah menemukan struktur asas tapak bangunan yang terbuat daripada laterit dengan keluasan sekitar 22 kaki

---

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 4 - 5.

<sup>5</sup> Dzulkifli Bin Mohd Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , 1973 , hlm. 147.

6 inci x 23 kaki 6 inci.<sup>6</sup> Penelitian yang telah dilakukan oleh James Low kemudiannya telah diteruskan oleh Quaritch-Wales dalam tahun 1936-37. Kolonel James Low juga pernah menemui beberapa inskripsi di Lembah Bujang. Antara yang terpenting adalah inskripsi Buddhagupta yang dijumpai di Seberang Prai Utara. Walau bagaimanapun inskripsi tersebut telah hilang sewaktu dihantar ke Calcutta untuk diterjemahkan. Berdasarkan kepada salinan yang ada ianya diduga berasal dari abad 5 M.<sup>7</sup> Hasil penyelidikan oleh James Low seperti yang telah dijelaskan sebelumnya selain berupa catatan, penelitian beliau tidak menjelaskan di antara temuan arca yang telah ditemukan apakah sebahagian daripadanya ditemukan di dalam lapisan tanah. Ini adalah kerana jika ditemukan di dalam tanah maka bacaan kedalaman arca tersebut dari permukaan tanah harus diambil supaya ianya akan dapat dijadikan sebagai bukti perbandingan di mana kemungkinan arca yang telah ditemukan tidak terusik sehingga ditemukan oleh James Low.

Kajian Kolonel James Low lebih bersifat kajian *antiquarian*<sup>8</sup> dan bukan kajian arkeologi sepenuhnya. Sebagai contoh persebaran artifak yang telah ditemui tidak diberikan perhatian. James Low tidak menyatakan apakah temuan artifak seperti pecahan arca tersebut contohnya, apakah ditemui di dalam keadaan mengelompok ataupun bersebaran dengan jarak yang berjauhan. Data arkeologi tersebut sebenarnya memainkan peranan yang penting di dalam penelitian arkeologi kerana daripada data tersebut penelitian yang seterusnya akan dapat menduga ianya kemungkinan adalah temuan yang masih *in situ* sekiranya artifak seperti arca tersebut ditemukan mengelompok pada suatu lokasi. Sekiranya

<sup>6</sup> Kebanyakan ukuran yang telah diambil oleh pengkaji terdahulu di Lembah Bujang dilakukan di dalam Sistem Standard British iaitu dalam kaki dan inci. Ukuran tersebut dapat ditukarkan kepada Sistem Metrik dengan formula 1 kaki bersamaan dengan 0.3048 m sementara 1 inci bersamaan dengan 2.5400 cm. Ukuran yang dilakukan oleh penyelidik daripada Muzium Arkeologi Lembah Bujang adalah di dalam Sistem Metrik.

<sup>7</sup> Brandell, "Most ancient ... ", hlm. 34.

<sup>8</sup> *Antiquarian* atau purbawan adalah seseorang yang berminat pada barang-barang antik.

jumpanan serpihan arca tersebut berada dalam keadaan yang berselerakan dan jaraknya juga adalah jauh di antara satu sama lain maka dugaan yang dapat diambil kemungkinan artifak tersebut telah *disturbed*.

### **2.3 Penyelidikan Sebelum Perang Dunia Kedua**

Pada tahap sebelum Perang Dunia Kedua penyelidikan dan penelitian di Lembah Bujang mula menunjukkan kemajuan dari segi teknik penyelidikan. Kaedah arkeologi telah mula digunakan. Tapak-tapak yang ditemui telah digali cari supaya dapat memperlihatkan pelan-pelan struktur binaan candi. Walau bagaimanapun kebanyakan kerja arkeologi ini masih lagi kurang bersistematik dan tidak dilakukan dengan teliti serta masih terdapat beberapa tapak yang kurang data rekodnya. Sehubungan dengan hal tersebut pembuktian data sejarah telah mula diperkembangkan dengan pembuktian penemuan artifak. Pada tahap ini juga kegiatan penyelidikan di Lembah Bujang bukan sahaja ditumpukan kepada galicari bahkan meliputi kegiatan survei. Penemuan beberapa artifak yang dianggap amat berharga kepada tamadun Lembah Bujang telah membuka ruang kepada institusi penyelidikan untuk membiayai penyelidikan yang akan dilakukan seperti yang telah diusahakan oleh *The Greater India Research Committee* yang berpusat di Calcutta terhadap Dr Quaritch-Wales sekitar tahun 1936-37.

#### **2.3.1 F.W. Irby dan I.H.N. Evans**

Penggalian yang pertama kali telah dilakukan pada struktur-struktur arkeologi di Lembah Bujang adalah galicari di puncak Gunung Jerai. Tapak ini telah ditemui oleh F.W. Irby.<sup>9</sup> Penemuan tersebut telah ditemui secara tidak sengaja oleh beliau dan pekerjaanya dari Unit Survei Trigonometrik, Perak pada tahun 1894. Sewaktu dilakukan pembakaran pada puncak tersebut telah

---

<sup>9</sup> F.W. Irby, "A short account ... ", hlm. 77.

memperlihatkan *platform* bangunan candi dengan ukuran 16 kaki persegi serta mempunyai sudut 2 jalur jalan yang terdiri daripada blok granit. Ekoran daripada penemuan ini sebuah galicari telah dilakukan oleh Irby pada tahun 1921.

Hasil daripada galicari pada kemuncak gunung tersebut tidak menemukan sebarang penemuan yang penting melainkan batu bulat dari granit. Ukuran bulatnya adalah sekitar 23 cm. Bahagian lubangnya pula adalah sekitar 12.5 cm, lebar di antara bahagian tepi adalah 5.5 cm dan ketebalannya adalah sekitar 10 cm. Hasil daripada galicari tersebut juga telah ditemui kesan tumbuhan yang terbakar dan Irby menduga ianya adalah tumbuhan asal daripada lokasi tersebut. *Platform* yang telah ditemukan oleh Irby sebenarnya berada di dalam keadaan yang parah, sementara atas bangunan candi yang terdiri daripada batu-bata telah diperlihat setelah lapisan humus yang berada pada bahagian atas dari bata tersebut dibersihkan, batu granit pula yang terdiri dari tiga bongkahan diduga masih *in situ*. Menurut laporan Irby tidak ditemukan sebarang batuan laterit.

Laporan Irby, agak sukar untuk dijadikan sebagai panduan bagi penyelidikan seterusnya. Hal ini dapat diperhatikan kerana Irby tidak merekodkan susunan stratigrafi lapisan tanah pada lokasi yang telah digalicari. Selain daripada itu Irby juga tidak melakukan proses galicari dengan berhati-hati sehingga tiada sebarang artifak seperti manik, serpihan tembikar atau serpihan dari arca direkodkan. Irby juga telah tidak meneliti dengan sejelas-jelasnya mengenai apa yang telah ditemui, contohnya seperti batu granit yang telah ditemui dengan terdapat lubang di bahagian tengahnya. Irby tidak memberikan pendapatnya apakah ianya sebagai batu pelapik tiang seperti yang telah ditemui melainkan beliau hanya merekod ukurannya sahaja.

Penelitian di puncak Gunung Jerai telah diteruskan oleh Evans dengan tumpuan galicari pada bahagian utara serta pada bahagian lereng gunung tersebut iaitu pada bahagian runtuhan batu-bata di *platform* bangunan candi. Sewaktu

tumpuan diberikan pada bahagian batu-bata yang telah runtuh, Evans telah menemukan tiga lagi pecahan batu yang berbentuk bulat. Ianya diduga mempunyai hubungan dengan dinding bangunan candi yang telah runtuh. Tetapi hal tersebut agak sukar untuk dibuktikan kerana kesannya telah hilang sewaktu Evans melakukan galicari tersebut. Kehilangan data tersebut kemungkinan disebabkan oleh pengambilan batu-bata secara berleluasa sewaktu didirikan rumah api moden pada tapak berhampiran dengan runtuhan bangunan candi tersebut. Kemungkinan kedua kehilangan data tersebut terutama dari runtuhan batu-bata, telah digunakan sebagai material asas sewaktu dibina jalan kecil yang menghubungkan puncak gunung tersebut dengan kaki Gunung Jerai.

Pada *platform* C yang telah digalicari oleh Irby setelah dilakukan eksplorasi oleh Evans, beliau menemukan tiga granit seperti yang telah dicatat oleh Irby. Tetapi kedudukan batu tersebut seperti telah dialihkan dan tidak lagi *in situ*. Evans telah mencuba untuk membina kembali sebahagian daripada *platform* tersebut sementara persebaran batu-bata serta lorong telah diperkuuhkan dengan simen. Tujuan daripada penggunaan simen tersebut adalah untuk menggelakkan *platform* tersebut daripada gangguan cuaca dan kegiatan manusia. Tujuan daripada penggunaan simen tersebut walaupun untuk mengekalkan struktur asal *platform* tetapi ianya telah melanggar prinsip pemugaran di dalam disiplin arkeologi.

Pada bahagian bawah rumah api telah ditemui juga beberapa batu granit yang berbentuk. Berhampiran dengan *platform* A telah dipenuhi dengan pecahan batu-bata yang telah digunakan semasa merekonstruksi lorong bangunan candi. Simen tidak digunakan sewaktu kerja membina kembali dilakukan. Walau bagaimanapun rekonstruksi tersebut tidak dapat dilakukan dengan sempurna kerana terbatasnya bahan material.

Berdasarkan kepada batu-batu yang dijumpai daripada puncak Gunung Jerai, kebanyakannya terdiri dari jenis batu yang mempunyai bentuk yang berbagai serta berada di dalam keadaan pecahan. Sebagai contohnya blok granit, terdapat granit dengan sudut bulat dan ada juga yang berbentuk berliku. Sementara batu-bata yang ditemukan pada bahagian jalan serta pada bahagian struktur bangunan candi sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga jenis, salah satu daripada dua batu-bata yang ditemui mempunyai kesan *glaze*.<sup>10</sup> Terdapat juga batu-bata yang mempunyai kesan *glaze* hitam yang diduga oleh Evans disebabkan oleh bahan material yang terdapat pada tanah liat yang dibakar sewaktu mendapatkan bentuk bata. Keduanya adalah bata yang *berglaze* hijau cerah. Evans berpendapat ianya terjadi juga disebabkan oleh proses sewaktu pembakaran. Ketiganya adalah bata yang berwarna kuning cerah. Walau bagaimanapun kebanyakan daripada material tersebut berada di dalam keadaan pecahan.

Hasil daripada penelitian yang telah dilakukan oleh Evans, beliau berpendapat kemungkinan struktur asas bangunan candi yang terdiri daripada batu-bata dan juga batu granit, bukan merupakan material asal struktur dari bangunan candi yang telah ditemui pada bahagian atas puncak Gunung Jerai. Evans berpendapat struktur bangunan candi yang ditemui tersebut tidak mempunyai klasifikasi bahan binaan secara khusus, dan kemungkinan struktur bangunan yang telah ditemukan pada puncak Gunung Jerai tersebut berasal dari bangunan awal yang diduga telah dibina sebelum struktur bangunan candi tersebut dibina.

Berdasarkan kepada pengamatan yang telah dilakukan oleh beliau, Evans juga berpendapat pembinaan struktur bangunan candi yang telah dibina di puncak Gunung Jerai tersebut mempunyai hubungan yang erat dengan kepercayaan di dalam ajaran Hindu-Buddha. Gunung di dalam kepercayaan ajaran Hindu-

---

<sup>10</sup> *Glaze* merupakan lapisan tipis atau selaput yang gemerlap di bahagian permukaan luar batu-bata.

Buddha adalah sebagai perlambangan tempat bersemadinya para dewa. Satu hal yang agak menarik jika dibandingkan diantara hasil penelitian yang telah dilakukan oleh Irby dan Evans adalah kemungkinan fungsi struktur bangunan di puncak Gunung Jerai tersebut. Kemungkinan juga ianya adalah sebagai tempat perapian yang digunakan sebagai penanda kepada kapal yang belayar menghampiri Kedah. Sementara itu struktur bangunan tersebut untuk dinyatakan sebagai struktur bangunan yang berpengaruh Hindu-Buddha perlu dilihat pada artifak yang berhubungan dengan kedua-dua ajaran tersebut. Tetapi malangnya waktu penelitian dan galicari yang telah dilakukan oleh Irby dan Evans tidak menemukan sebarang arca atau artifak yang berhubungan dengan Hindu-Buddha.<sup>11</sup>

Berdasarkan kepada struktur batuan yang telah ditemui, suatu hal yang amat menarik perhatian ialah kemampuan masyarakat setempat di dalam membentuk batuan seperti granit kepada bentuk-bentuk tertentu serta kemampuan mereka di dalam pembakaran tanah liat untuk dihasilkan bata. Hal tersebut secara tidak langsung menggambarkan bahawa masyarakat setempat pada waktu tersebut telah mempunyai unsur kebudayaan serta teknologi yang agak tinggi.

Sungguhpun demikian keterbatasan penemuan artifak yang ditemui sewaktu dilakukan galicari oleh Irby dan juga oleh Evans telah menyulitkan para ahli untuk menentukan tarikh pembinaan struktur bangunan candi tersebut. Kebanyakan artifak yang telah ditemui adalah terdiri daripada pecahan porselin China, pecahan bahagian piring, pecahan tembikar tanah, tembaga dan juga besi. Porselin China yang telah ditemui mempunyai warna putih-biru, Evans telah berpendapat kebudayaan di puncak Gunung Jerai tersebut berakhir sekitar abad 15 M iaitu bersamaan dengan zaman dinasti Ming yang terdapat di China berdasarkan kepada corak dan bentuk porselin China yang telah ditemukan.

---

<sup>11</sup> Dikutip daripada laporan I.H.N Evans, "On the ancient structures on Kedah Peak," dalam *Papers on the Ethnology and Archaeology Of the Malay Peninsula*, Cambridge : Cambridge University Press , 1927, hlm. 105-113.

Setelah menyelesaikan penelitian di puncak Gunung Jerai, Evans bersama-sama dengan J.J Piston Davies pada pertengahan tahun 1921 telah ke Estet Sungai Batu, setelah menerima laporan penemuan beberapa arca patung dan batu-bata. Kemudian Evans telah menemukan timbunan tanah yang agak tinggi dengan ukuran sekitar 39 x 57 kaki. Di samping itu berhampiran dengan lokasi tersebut juga telah ditemukan bahan-bahan yang terdiri daripada laterit. Malangnya sebahagian daripada bahan laterit tersebut telah diambil dengan tujuan untuk pembinaan jalan raya. Sementara batu-bata telah ditemukan berada di dalam permukaan tanah.

Patung batu yang telah ditemukan berada sekitar 100 elai daripada cabang Sungai Bujang yang merentangi ladang tersebut. Arca Hindu ini berdasarkan kepada laporan M. Coedes adalah Durga, iaitu isteri kepada dewa Siwa. Arca ini mempunyai ketinggian sekitar 67 cm, dan berada di dalam keadaan yang sukar untuk dikenalpasti kerana telah haus oleh proses luluhawa. Tetapi berdasarkan kepada beberapa atribut yang terdapat pada arca tersebut Coedes menyatakan ianya adalah Durga. Antara atribut yang kelihatan adalah *gada* yang dipegang pada tangan kiri arca tersebut, sementara pada tangan kanan kelihatan seolah-olah mempunyai dua tangan dan salah satunya memegang objek seperti bulan sabit. Pada tangan yang satu lagi terdapat pada bahagian badannya, dan kakinya berada di atas kepala seekor kerbau.

Pada tahun 1923, sewaktu beliau mengunjungi kembali ke Estet Sungai Batu, Evans telah menemukan empat buah lagi batu granit yang berbentuk. Dua dari batu tersebut diduga adalah sebagai *snanadroni* daripada bahagian candi. *Snanaadroni* tersebut mempunyai bentuk persegi empat pada bahagian tengahnya yang dibuat secara memanjang. Sementara sebuah lagi dari batu granit tersebut diduga adalah berperanan sebagai *yoni* iaitu sebagai tempat untuk menampung air sewaktu upacara di candi sedang berlangsung.

Batu granit yang keempat pula telah dibentuk berupa image Ganesha. Image tersebut sebahagiannya telah kabur, walau bagaimanapun sebahagian daripada ciri Ganesha tersebut masih dapat dikesan seperti belalai yang kelihatan pada bahagian tengah image membawa kepada bahagian tepi. Pada tapak yang sama sebuah arca berupa kepala Nandi juga telah ditemui. Berdasar kepada temuan artifak tersebut Evans lebih cenderung menyatakan tapak Estet Sungai Batu pada tahap awalnya telah menerima kepercayaan Hindu dengan ajaran pokoknya adalah Siwa. Hal tersebut didukung dengan ditemuinya arca Durga, Ganesha, Nandi dan *yoni*.

Setelah beliau melakukan penelitian, Evans telah mengambil keputusan untuk menjalankan galicari di tapak ini kerana beliau begitu tertarik pada bahagian selatan dari timbunan laterit yang telah ditemui. Tambahan laterit tersebut mempunyai arah hadap ke timur dan barat. Setelah sarang anai-anai yang terdapat pada timbunan laterit tersebut dibersihkan, ianya didapati merupakan sebuah dinding dengan ukuran sekitar 3 x 4 inci tinggi, 7 kaki 2 inci panjang dan 2 kaki 8 inci lebar. Dinding tersebut seakan memisahkan diantara bahagian dalam dan luar daripada sebuah bangunan. Bahagian dalam tersebut diduga mempunyai kawasan yang lebih luas berbanding dengan bahagian luar. Pada bahagian barat dinding tersebut telah menghilang ke arah timbunan laterit dan Evans menduga bahagian dinding tersebut masih lagi merupakan *in situ*, hal yang sama juga terjadi pada dinding di bahagian timur.

Setelah Evans melakukan galicari pada bahagian dalam, beliau telah menemukan bilik kecil dengan dua lorong untuk masuk ke struktur bangunan. Salah satu daripada lorong masuk tersebut berada di bahagian barat daya dan sebuah lagi pada bahagian timur. Pada bahagian luar dari kedua lorong tersebut menunjukkan terdapat banyak tinggalan batu-bata. Sementara pada bahagian barat daripada dinding yang telah ditemui hasil daripada galicari tersebut telah dikelilingi dengan timbunan laterit. Hasil daripada pengamatan yang telah

dilakukan oleh beliau, Evans berpendapat struktur bangunan candi di Kampung Estet Sungai Batu mempunyai arah hadap timur. Pada bahagian *lost in rubbish* yang telah disimen oleh Lickie sebelum Evans melakukan penelitian dan galicari diduga adalah juga merupakan salah satu daripada tempat timbunan laterit,<sup>12</sup> hal tersebut tidak dapat diperbahaskan kerana tiada rekod yang telah dibuat oleh Lickie sewaktu beliau menyimen lokasi tersebut. Di antara temuan artifak yang telah ditemui oleh Evans sewaktu beliau melakukan galicari adalah terdiri daripada pecahan tembikar termasuklah kendi dan celadon. Turut ditemukan adalah duit emas dari zaman Bani Abbasiyah ( 234 H ). Evans berpendapat candi di Kampung Estet Sungai Batu terdiri daripada blok laterit ( kemungkinan ianya telah hancur ), pecahan laterit, batu sungai, batu-bata dan batu yang telah dibentuk.

Hasil galicari yang telah dilapor oleh Evans, masih agak kurang lengkap. Pertama beliau tidak menyatakan kedudukan stratigrafi artifak yang telah ditemukan ( iaitu berada pada spit ke berapa ). Juga beliau tidak menyatakan susunan stratigrafi tanah sewaktu melakukan galicari. Temuan artifak juga tidak direkodkan sama ada ianya ditemukan pada satu lapisan dan berada di dalam keadaan mengelompok di antara satu sama lain atau artifak tersebut berada berhampiran di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun kerja lapangan arkeologi yang telah dilakukan oleh Evans di beberapa tempat di Lembah Bujang telah menarik perhatian pengkaji-pengkaji yang berminat pada peninggalan-peninggalan Hindu-Buddha di kawasan ini.

### 2.3.2 Quaritch-Wales dan Dorothy-Wales

H.G Quaritch-Wales dan isterinya Dorothy Wales telah melakukan penelitian dan galicari di Lembah Bujang, Kedah dari tahun 1936-37. Selama 14

<sup>12</sup> Dikutip daripada laporan I.H.N Evans, “ Antiquities from Sungai Batu Estate, South Kedah ”, dalam *Papers on the ethnology and archaeology of the Malay Peninsula*, Cambridge : Cambridge University Press , 1927 , hlm. 113-123.

bulan mereka berdua telah melakukan galicari di 29 buah lokasi. Berdasarkan kepada hasil penelitian mereka, penulis akan menumpukan kepada penemuan yang berhubungan dengan judul tesis ini sahaja.

Di antara penemuan terpenting yang telah ditemukan oleh Quaritch-Wales adalah di Tapak 4. Di tapak ini beliau telah menemukan sebuah patung Ganesha yang diperbuat daripada batu granit. Patung tersebut telah ditemui pada bahagian selatan *vimana* struktur bangunan candi. Belalai Ganesha tersebut mengarah ke kiri dan tidak menunjukkan sebarang unsur untuk menghisap sesuatu dari mangkuk yang berada pada tangan di sebelah kiri. Keadaan kakinya pula berada di dalam keadaan saling bersentuhan. Sebuah *lingga*, yang juga diperbuat daripada batu granit turut dijumpai di Tapak 4. Ukuran ketinggiannya adalah sekitar 16 inci dan ia mempunyai bentuk yang agak kasar. Quaritch-Wales juga berpendapat arca Nandi yang telah ditemui oleh Evans hasil dari penelitian beliau adalah berasal dari bahagian *vimana* dari struktur bangunan candi di Tapak 4. Begitu juga dengan arca Durga Mahisasura yang telah ditemukan oleh Evans juga diduga oleh Quaritch-Wales berasal dari struktur bangunan candi di Tapak 4.

Penemuan yang amat menarik adalah penemuan yang telah dijumpai di Tapak 8. Di tapak tersebut beliau telah menemukan dua buah relikuari<sup>13</sup> dari quartza dan tidak mempunyai penutup lagi, walau bagaimanapun Quaritch Wales menduga relikuari tersebut pada suatu ketika dahulu mempunyai penutup.<sup>14</sup> Pada bahagian dasar ruang dalam relikuari tersebut terdapat sembilan lubang, iaitu sebuah lubang pada bahagian tengah dan lapan lubang yang mengelilingi lubang bahagian tengah tersebut. Hasil daripada pengamatan yang telah dilakukan oleh beliau dengan relikuari yang terdapat di Muzium Madras, India, Quaritch-Wales berpendapat bahawa ianya tidak menjumpai persamaan. Walau bagaimanapun Quaritch Wales menduga relikuari yang telah ditemukan di Tapak 8 mempunyai

---

<sup>13</sup> Lihat Bab 5 tesis ini untuk huraian mengenai relikuari.

<sup>14</sup> Quaritch Wales, *op.cit.*, hlm. 11-15.

hubungan yang rapat dengan relikuari yang terdapat di Kepulauan Jawa. Quaritch Wales mengutip pendapat dari Dr. Stutterheim yang menyatakan:

*"Casket with nine compartments and their covers. Into the central compartment a part of the ashes of a cremated king was placed; into the others, bits of precious metal and semi-precious stones. The casket was buried in a pit beneath the posthumous statue enshrined in a chandi and served as a magical depository ensuring the survival of the king's soul "<sup>15</sup>*

Biasanya relikuari diletakkan di bahagian tengah di bangunan candi. Di dalam relikuari tersebut juga kebiasaannya diletakkan abu jenazah raja yang telah dibakar. Perlakuan tersebut dilakukan kerana raja yang telah meninggal dianggap akan terus hidup dan sebagai perlambangan kehadiran roh raja tersebut ianya biasa juga diwujudkan dalam bentuk *Dewaraja*. Sewaktu upacara di candi dilakukan roh raja tersebut akan bercantum bersama-sama dengan para dewa. Selain daripada abu jenazah raja, di dalam relikuari juga biasanya disertakan juga unsur magis yang berupa objek patung atau inskripsi yang terbuat daripada emas. Di Tapak 13, Quaritch-Wales telah menemui empat buah tempayan tanah. Setiap satu daripadanya ditemukan pada setiap sudut bangunan candi dan berada di bawah lapisan bata dari bangunan candi tersebut.<sup>16</sup> Di antara artifak yang telah ditemui di dalam tempayan tanah tersebut adalah kulit kerang, manik daripada kaca, tembaga, barang berharga, 3 ornamen emas berbentuk bulat dan 2 daripadanya mempunyai hiasan serta pecahan bibir daripada mangkuk perak.

Quaritch Wales juga telah menemukan sebuah relikuari gangsa di Tapak 16. Di dalam relikuari tersebut telah ditemukan objek haiwan diperbuat daripada kepingan emas dan perak, senjata miniatur serta barang berharga. Quaritch -

---

<sup>15</sup> *Loc.cit.*, hlm 20.

<sup>16</sup> *Loc.cit.*, hlm 28-31.

Wales berpendapat ianya kemungkinan mempunyai hubungan dengan ajaran tantrik. Di antara penemuan objek yang ditemukan di dalam relikuari di Tapak 16 adalah mangkuk tembaga yang diletakkan di tengah-tengah relikuari tersebut. Pada bahagian atas dari mangkuk tembaga tersebut terdapat teratai daripada emas. Berhadapan dengan mangkuk tembaga tersebut terdapat empat objek berbentuk haiwan yang diduga adalah *vahana* kepada para dewa. Di antara objek haiwan tersebut adalah berupa harimau ( singa ) yang dibuat daripada emas,<sup>17</sup> lembu yang dibuat daripada perak dan kuda yang dibuat daripada tembaga dan haiwan yang keempat diduga adalah gajah.<sup>18</sup> Di dalam relikuari Tapak 16 juga ditemui miniatur senjata yang terbuat daripada emas yang terdiri dari busar, panah, pedang, pisau, belati, lembing, perisai dan kepingan persegi empat yang diertikan oleh Quaritch- Wales sebagai buku. Sementara bahan yang terdiri daripada perak adalah artifak yang berbentuk loceng dan bajak.<sup>19</sup> Di Tapak 19, Quaritch-Wales telah menemukan objek tembaga yang berbentuk seperti *trisula* yang biasa digunakan oleh dewa Siwa. Penemuan lainnya adalah dua arca Ganesha yang dibuat daripada *terracotta*. Ketinggiannya adalah sekitar 1 kaki 18 inci. Malangnya arca Ganesha tersebut ditemukan dalam keadaan tidak berkepala. Arca Ganesha tersebut mempunyai empat tangan tetapi hanya bahagian tangan kiri bawah sahaja yang tinggal. Belalainya digambarkan sedang menghisap sesuatu dari dalam mangkuk. Atribut pada bahagian leher dan lengannya masih dapat diperhatikan. Posisi duduknya adalah Maharajalila dengan kepala lutut kanannya terangkat. Sementara posisi kaki Ganesha yang ditemukan di Jawa adalah saling bersentuhan.

---

<sup>17</sup> Berdasarkan kepada peranan haiwan sebagai *vahana* dewa pada kuil Hindu masa kini, singa adalah merupakan *vahana* dewi Sri Mariaman.

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm 35-36.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm 39-40.

Sebuah relikuari yang pecah juga telah dijumpai di Tapak 19. Quaritch Wales berpendapat relikuari tersebut kemungkinan telah dicampak oleh seseorang keluar dari halaman candi. Relikuari yang ditemukan di Tapak 19 ini mempunyai ukuran yang lebih besar berbanding dengan relikuari yang telah ditemukan di Tapak 8 ( Candi Bukit Batu Pahat ).

Tapak 16 A, yang terletak tidak jauh daripada Tapak 16 adalah juga merupakan tapak yang telah diteliti oleh Dorothy Wales. Di antara penemuan artifak terpenting di tapak ini adalah arca tembaga Buddha. Posisi tangan kanan arca tersebut berkeadaan *varadamudra*. Pada Tapak 24, antara penemuan artifak yang terpenting adalah *lingga* yang tingginya adalah sekitar 2 kaki.<sup>20</sup>

Selain daripada penemuan-pemuan tersebut, jumpaan arkeologi juga telah dilaporkan di kawasan Kuala Muda. Di antara tapak yang penting adalah Tapak 31, Dorothy Wales berpendapat struktur bangunan candi di sini dibina dengan menggunakan bahan batu-bata dan laterit. Walaupun secara umumnya bahan binaan daripada laterit diduga adalah merupakan bahan yang dominan di dalam pembinaan Candi di Tapak 31 kerana struktur yang dibuat daripada laterit telah dijumpai pada kawasan dengan keluasan sekitar 19 kaki persegi.

Sementara pada bahagian barat struktur bangunan candi ( halaman untuk masuk ke bangunan candi Tapak 31 ) telah dijumpai bahan yang terdiri daripada laterit juga. Berhampiran dengan runtuhan struktur bangunan candi tersebut telah ditemukan juga 2 bongkah batu laterit yang mempunyai lubang kecil persegi empat pada bahagian atasnya.<sup>21</sup>

---

<sup>20</sup> Dorothy C and H.G Quaritch Wales, " Further work on Indian sites in Malaya " *JMBRAS*, vol. XX, ( Part 1 ), 1947, hlm. 7-10.

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 10.

Galicari pada bahagian *vimana* struktur bangunan candi di Tapak 31, kemudianya telah menemui sebuah lagi batu persegi empat dengan ukuran sekitar 2 kaki 5 inci persegi dengan bahagian atasnya terdapat lubang yang berbentuk persegi empat juga tetapi ukurannya adalah sekitar 1 kaki 1 inci persegi dengan kedalamannya adalah sekitar 1 kaki. Dorothy Wales menduga ianya pernah digunakan untuk meletakkan arca.<sup>22</sup>

Berdasarkan kepada semua penelitian yang telah dilakukan, Quaritch-Wales telah membahagikan perkembangan pengaruh India di Kedah kepada tiga kategori :

- i) Zaman Buddha ( Dari abad 4 - 5 M ).
- ii) Zaman Hindu ( Dari abad 6 - 8 M ).
- iii) Zaman Buddha Mahayana ( Dari abad 9 - 10 M ).<sup>23</sup>

## 2.4 Penyelidikan Selepas Perang Dunia Kedua

Selepas Perang Dunia Kedua kegiatan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah diambil alih oleh penyelidik daripada Institusi Pengajian Tinggi. Apa yang akan dibincangkan di sini adalah berkaitan dengan penyelidikan yang melibatkan kerja lapangan arkeologi seperti survei dan galicari. Di antara yang terlibat adalah M. Sullivan yang pada waktu itu bertugas di University Art Museum . Tumpuan penyelidikan yang telah dilakukan oleh M. Sullivan lebih ditumpukan kepada daerah Kuala Muda dan juga Seberang Prai Utara.<sup>24</sup> Selain daripada Sullivan pada masa itu ( sekitar tahun 50 an ) penglibatan pensyarah daripada Institut Pengajian Tinggi juga tidak terkecuali seperti K.G. Tregonning,

---

<sup>22</sup> *Loc.cit.*

<sup>23</sup> Quaritch Wales, *op.cit.*, hlm. 5-45.

<sup>24</sup> Sullivan, *op.cit.*, hlm. 191 - 192.

pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Dr. Alastair Lamb pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya serta Dr. P.F. de Jong , pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya<sup>25</sup> turut terlibat secara langsung di dalam penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang.<sup>26</sup>

#### **2.4.1 Michael Sullivan**

Laporan penyelidikan dan penelitian yang telah dilakukan oleh M. Sullivan di Kedah dan wilayah Seberang Prai telah dikeluarkan sekitar tahun 1958. Berdasarkan kepada laporan tersebut penulis hanya akan memberikan penumpuan terhadap penelitian dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh M. Sullivan ke atas Tapak Permatang Pasir dan Batu Lintang. Penumpuan ini diberikan keutamaan kerana pada kedua lokasi tersebut mempunyai hubungan dengan judul dan kajian penulis.

##### **2.4.1.1 Permatang Pasir**

Lokasi Permatang Pasir dikenali juga sebagai Tapak 31 dan berada di pinggir jalan raya yang menghubungkan Tikam Batu dengan Kota Kuala Muda. Tapak 31 seperti yang telah dijelaskan pada halaman terdahulu telah digalicari oleh Dorothy Wales sekitar tahun 1941. Walau bagaimanapun hasil laporan yang telah dikeluarkan oleh Dorothy Wales setelah dilakukan penelitian dan galicari kembali oleh M. Sullivan didapati sebahagian daripada laporan tersebut tidak sesuai dengan apa yang wujud di lapangan.

Sullivan berpendapat struktur bangunan candi di Permatang Pasir sebenarnya adalah berbentuk persegi empat dengan ukuran sekitar 11 kaki 9 inci

---

<sup>25</sup> Universiti Malaya pada waktu itu berpusat di Singapura.

<sup>26</sup> *Ibid.*

dari arah utara-selatan dan 18 kaki 6 inci dari arah timur-barat. Sebahagian daripada bahagian dinding bangunan candi tersebut telah ditutupi dengan tanah dan pasir sekitar 4 kaki sementara bahan binaanya terdiri daripada laterit.<sup>27</sup>

Pada bahagian timur dan timur laut struktur bangunan candi tersebut, persebaran runtuhan laterit kelihatan agak menyebar sementara pada bahagian selatan dan barat daya bahan binaan struktur bangunan candi tersebut telah terganggu kerana tindakan penggalian liar untuk mendapatkan artifak berharga. Hanya pada bahagian barat sahaja yang diduga oleh Sullivan bahan binaan bangunan candi tersebut yang masih *in situ*. Jika didasarkan kepada pengamatan Dorothy Wales beliau cenderung menyatakan bahagian tersebut adalah merupakan bahagian serambi struktur bangunan candi di Tapak 31. Jika alasan yang telah diberikan oleh Dorothy Wales tersebut diterima, ianya menimbulkan sedikit keraguan serta kelainan berbanding dengan arah hadap candi lainnya yang pernah diteliti oleh Quaritch Wales di Kedah di mana kebanyakan arah hadap candi di Kedah mengarah ke timur.

*“However, it should be observed that if this was a porch it was in a most unusual position, for nearly all the Indian temples, as well as those excavated in Kedah by Quaritch-Wales, are orientated to the east.”<sup>28</sup>*

Berdasarkan hal tersebut Sullivan berpendapat bahagian yang dianggap oleh Dorothy Wales sebagai serambi bangunan candi Tapak 31 sebenarnya adalah merupakan bahagian *vimana*. Di dalam analisisnya Sullivan berpendapat bahawa Tapak Permatang Pasir merupakan peninggalan candi Buddha dan bukannya Hindu. Hal tersebut didasarkan kepada struktur candinya terutama pada bahagian *mandapa* yang berbentuk persegi empat panjang.<sup>29</sup> Bahkan jalan kecil yang

<sup>27</sup> Sullivan, *op. cit.*, hlm. 193.

<sup>28</sup> *Loc.cit.*

<sup>29</sup> *Ibid.*,hlm. 196.

mengelilingi struktur candi tersebut diduga adalah untuk kegiatan *pradaksina* ataupun tempat diletakkan *stupa*.

*"The shrine appears to be surrounded by a processional path which would have no place in Hindu ritual but would be essential for the practice of Buddhist rite of pradaksina, or circumambulation keeping the stupa or other sacred object... "*<sup>30</sup>

Hal ini diperkuatkan lagi dengan penemuan arca tembaga Buddha yang kecil dan bunga teratai dari tembaga, ianya diduga adalah gambaran untuk Avalokitesvara ataupun salah satu dari ciri dewi Tara. Lagi pun Sullivan berpendapat di Tapak 31 ini tidak ditemukan sebarang artifak berunsur Hindu seperti *lingga*. Tiadanya ditemukan sebarang artifak berupa *lingga* adalah alasan utama Sullivan menduga bahawa candi Permatang Pasir ini adalah digunakan sebagai kegiatan keagamaan Buddha.

Mengenai pentarikhan Tapak 31, Sullivan cenderung menyatakan ianya adalah sekitar abad 10 M. Sementara Dorothy Wales memberikan andaian Tapak 31 adalah sekitar abad 13 M, alasan yang diberikan oleh Dorothy Wales berdasarkan kepada temuan pecahan celadon dari dinasti Sung. Sullivan agak meragui akan pecahan celadon tersebut berasal daripada abad ke 13. Alasan yang dikemukakan oleh beliau berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan oleh Quaritch-Wales di sekitar Lembah Bujang hampir keseluruhan candi Buddha berada sekitar abad ke 10 M, di mana pada ketika itu di Lembah Bujang sekitar abad 9 M dan juga abad ke 10 M penyebaran ajaran Buddha Mahayana sedang berkembang.<sup>31</sup> Walau bagaimanapun kedua-dua pentarikhan tersebut adalah bersifat relatif.

---

<sup>30</sup> *Loc.cit.*

<sup>31</sup> *Loc.cit.*

#### **2.4.1.2 Bukit Batu Lintang**

Tapak ini pertama kali telah disurvei oleh K.G Trengonning pada tahun 1956. Pada hari pertama sekumpulan pasukan survei telah melakukan pengamatan terhadap tinggalan struktur bangunan candi di puncak bukit. Hasil daripada penelitian dan pengamatan tersebut telah menemui struktur kecil yang mengandungi fondasi atau asas struktur kepada bangunan candi tersebut. Asas struktur ini yang terdiri daripada blok laterit yang diduga mendukung bahagian cella seluas 12 kaki persegi.

Tapak ini juga telah mengalami gangguan akibat daripada galicari liar yang diduga bertujuan untuk mendapat artifak berharga daripada tapak candi tersebut. Di antara temuan artifak yang ditemui adalah pecahan mangkuk celedon, pecahan tembikar tanah, tembaga, besi dan arang. Kesemua temuan tersebut telah ditemui pada satu lapisan. Di samping itu juga telah ditemui patung Ganesha batu granit dan patung *dwarapala* juga diperbuat daripada batu granit. Gambaran senjata yang dipegang pada tangan kanan patung *dwarapala* tersebut agak kabur.

Sebuah lagi arca yang telah ditemui di tapak ini diduga adalah gambaran dewi Yahshimi.<sup>32</sup> Pentarikhan di tapak ini dilakukan berdasarkan kepada gaya seni arca, Trenggong berpendapat struktur bangunan candi di Tapak Bukit Batu Lintang adalah sekitar abad 7 - 9 M. Sementara Sullivan berpendapat Tapak Bukit Batu Lintang berasal daripada abad ke 10 M ataupun lebih awal daripada itu berdasarkan kepada arca yang dijumpai. Walaupun telah dijumpai beberapa pecahan porselin daripada dinasti Yuan dan juga Sung sekitar abad 13 M dan juga abad ke 14 M

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm.208

*“The sculpture may have been brought to the site,  
if it were carved as early as the tenth century.”<sup>33</sup>*

Mengikut pendapat Sullivan, Bukit Batu Lintang pada suatu ketika dahulu adalah merupakan sebuah pulau kecil dan pada sebelah timurnya diduga adalah perkampungan nelayan. Arca *dwarapala*, Ganesha dan juga Yashshimi yang ditemui diduga telah jatuh daripada candi yang pada suatu waktu dahulu berada di puncak Bukit Batu Lintang. Sullivan juga berpendapat kawasan kaki bukit mungkin merupakan kawasan keagamaan dan juga penempatan serta mungkin terdapat candi yang telah dibina di situ. Walau bagaimanapun hasil daripada survei yang telah dilakukan tidak menemukan sebarang candi.

#### **2.4.2 Kerja Survei Oleh Universiti Malaya**

Kegiatan survei oleh pihak Universiti Malaya telah dilakukan pada Mei, 1958 dan kawasan tumpuan sewaktu kegiatan survei dilakukan adalah di sekitar utara Sungai Merbok dan sekitar Sungai Bujang. Kegiatan survei juga ditumpukan pada bahagian selatan dan barat Kampung Merbok. Laporan survei ini telah dicatat oleh Wang Gungwu dan dilaporkan secara ringkas sahaja. Hasil daripada laporan survei tersebut adalah seperti berikut:

##### **2.4.2.1 Bukit Pendiat ( Tapak 15 )**

Bukit Pendiat di dalam laporan ini dikenali dengan nama Tapak 15.<sup>34</sup> Penomboran tersebut telah diberikan oleh Quaritch Wales sewaktu beliau pertama kali melakukan penelitian dan pengamatan di lokasi tersebut. Laporan

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm. 212 .

<sup>34</sup> Tapak Candi yang berada di puncak Bukit Pendiat dikenali sebagai Tapak 17. Sementara Wales menyebut Tapak 15 berada di dataran rendah kebun getah dan berada di sebelah kanan Sungai Bujang. Lihat Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 33 - 37.

daripada pasukan survei menduga bahan binaan pada struktur candi di tapak ini terutama batu-bata telah terganggu. Berdasarkan kepada laporan, Tapak 15 yang telah diteliti oleh Quaritch-Wales berada di antara Sungai Bujang dan juga Sungai Pendang iaitu sekitar dua ratus elai ke tenggara jambatan yang merentangi sungai Pendang dan lapan belas elai ke barat daripada sungai Bujang.<sup>35</sup> Masyarakat desa mengakui mereka pernah terlibat di dalam galicari yang dilakukan sebelumnya dan candi ini terbina daripada bahan batu-bata. Sewaktu pasukan survei tiba tapak tersebut telah musnah kerana pengambilan batu-bata oleh orang kampung hanya sebahagian daripada batu-bata tersebut yang tinggal.

*“The villagers admit that they helped themselves to the bricks exposed by the pre war excavation, and indeed there is nothing much left on the site.”<sup>36</sup>*

#### **2.4.2.2 Kampung Permatang Perlis**

Di antara tapak yang berada di Kampung Permatang Perlis adalah Tapak 18 dan berada berhampiran dengan masjid. Hasil laporan daripada pasukan survei Universiti Malaya telah menemukan beberapa pecahan bibir tembikar dan pecahan atap genting. Kedudukan artifak tersebut telah dicatat serta direkodkan berdasarkan ukuran serta kedudukan asal artifak tersebut sewaktu ditemukan.

*“... we were able to collect a few sherds of pottery and tiles... we located them successively and noted their exact positions...”<sup>37</sup>*

---

<sup>35</sup> Wang Gungwu, “The University of Malaya Archaeological Society’s survey of central Kedah, in May 1958”, *JMBRAS*, vol. xxxi (Part 1), 1958, hlm. 220.

<sup>36</sup> *Loc.cit.*

<sup>37</sup> *Loc.cit.*

Di Tapak 19, pasukan survei mengalami kesukaran untuk melakukan pengamatan terhadap struktur bangunan candi kerana kebanyakan daripada bahan binaan seperti batu-bata telah diambil oleh penduduk tempatan untuk keperluan samping serta kemungkinan juga akibat daripada kegiatan galicari liar.<sup>38</sup>

#### **2.4.2.3 Estet Sungai Batu**

Tapak ini berada di bahagian utara Sungai Bujang dan salah satu cabangnya mengalir ke Estet Sungai Batu. Di antara tapak yang berada di Estet Sungai Batu adalah Tapak 4, 5, 6, 11, 12 dan 13. Pasukan survei Universiti Malaya telah mengesan enam tapak yang sebelumnya telah dilakukan galicari oleh Quaritch Wales. Kesemua tapak tersebut berada pada bahagian kanan tebing Sungai Bujang. Di Tapak 4 pasukan survei telah gagal menemukan sebarang kesan peninggalan yang penting walaupun ianya adalah merupakan kawasan terbesar hasil daripada galicari oleh Quaritch Wales. Pasukan survei Universiti Malaya menduga bahan binaan daripada struktur bangunan candi di tapak ini telah terganggu terutama sewaktu pendudukan Jepun. Pasukan survei juga telah mengambil keputusan bahawa tapak ini tidak mempunyai keperluan lagi untuk dilakukan galicari berdasarkan kepada kebanyakan daripada struktur bahan binaan bangunan candi tersebut telah terganggu.<sup>39</sup>

Tapak 5, 6, 11, 12 dan 13 berada di tengah-tengah kawasan penanaman semula getah dan telah dibiarkan tanpa penjagaan oleh pekerja ladang. Tapak 5 dan 6 berada sekitar 100 ela di antara satu sama lain dan berada sekitar 100 ela daripada jalan raya. Tapak 5 menurut laporan survei masih mempunyai kesan penting tetapi Tapak 6 kesan utamanya amat terbatas.<sup>40</sup>

---

<sup>38</sup> *Loc.cit.*

<sup>39</sup> *Ibid.*, hlm.221.

<sup>40</sup> Pada hari ini di Tapak 5 ladang getah berkenaan telah diganti dengan ladang tanaman durian.

Tapak 11, kedudukannya agak jauh berbanding dengan tapak lainnya, tetapi masih berada di tengah-tengah kawasan penanaman semula getah.<sup>41</sup> Tapak ini belum lagi terganggu dan dinding struktur bangunan candi yang terdiri dari batu besar masih lagi kelihatan semasa pasukan daripada Universiti Malaya ini melakukan pengamatan. Pasukan survei juga telah meninjau lokasi di mana arca Ganesha telah ditemukan sekitar 30 tahun sebelumnya. Ianya berada sekitar 150 elai daripada saluran air kecil yang telah dibina oleh tentera Jepun sewaktu perang dan berada sekitar suku batu ke selatan dari Tapak 4. Sementara untuk Tapak 12 dan 13 tidak terdapat laporan yang penting melainkan dinyatakan Tapak 12 adalah merupakan satu kawasan yang agak luas.<sup>42</sup>

#### 2.4.2.4 Singkir Darat

Pasukan survei Universiti Malaya telah meneruskan penelitian di bahagian barat Kampung Merbok, termasuklah kampung yang berada di antara Merbok dan Singkir Laut serta Singkir Darat. Tetapi tidak seorang pun di antara penduduk setempat yang mengetahui akan peninggalan yang terdapat di kampung tersebut. Walau bagaimanapun seorang penduduk kampung telah menunjukkan tempat di mana telah ditemukan perahu kecil di sawah padinya dan kemudiannya tempat di mana telah ditemukan 2 keping batu yang terdapat kesan pengerajan.<sup>43</sup>

Sementara pada sebuah gua yang berada pada bahagian timur Bukit Singkir ( bertentangan dengan Gunung Tanjung Jara ), hanya ditemukan timbunan najis kelawar sahaja dan tiada temuan artifak yang penting.<sup>44</sup>

---

<sup>41</sup> Pada hari ini di Tapak 11 ladang getah berkenaan telah diganti dengan ladang kelapa sawit.

<sup>42</sup> *Loc.cit.*

<sup>43</sup> *Ibid.*, hlm 222.

<sup>44</sup> *Loc.cit.*

#### 2.4.2.5 Kampung Pasir

Kampung Pasir berada ke selatan dari Kampung Simpang Tiga dan berada di sebelah kiri Sungai Jernih ( anak Sungai Merbok Kecil ). Penduduk setempat telah menunjukkan kepada pasukan survei sebuah lokasi di mana sekitar lima hingga enam tahun sebelumnya telah ditemui sebuah inskripsi pada sebuah batu dengan tulisan Siam, malangnya pasukan survei daripada Universiti Malaya telah gagal untuk menemukan inskripsi tersebut kerana menurut masyarakat setempat batu tersebut kini telah pecah dan hilang.<sup>45</sup>

#### 2.4.2.6 Batu Lintang

Di Kampung Batu Lintang, ketua kampung tersebut telah menunjukkan kepada pasukan survei lokasi di mana telah ditemukan sekitar 12 hingga 20 tahun sebelumnya artifak berupa tali pinggang emas dan patung Ganesha pada sebuah tanjung yang berhadapan dengan kampung berkenaan.<sup>46</sup>

#### 2.4.2.7 Bukit Meriam

Sebahagian daripada ahli pasukan survei Universiti Malaya sekitar bulan Februari dan Mac 1958 telah menemukan beberapa buah batu yang mempunyai lubang pada bahagian atasnya. Batu tersebut seperti batu berlubang lainnya yang telah ditemukan pada galicari struktur bangunan candi di Kedah, diduga juga adalah merupakan sebagai penompang kepada struktur bangunan candi. Sementara dua buah lagi ditemukan di kawasan kampung berhampiran dengan Kota Kuala Muda.<sup>47</sup>

---

<sup>45</sup> *Loc.cit.*

<sup>46</sup> *Loc.cit.*

<sup>47</sup> *Loc.cit.*

Batu tersebut ketinggiannya adalah sekitar 2 kaki. Sementara sebuah lagi batu besar yang diduga juga berperanan sebagai penompang bangunan candi telah dijumpai sekitar 50 elai daripada tempat temuan dua batu yang pertama. Pasukan survei telah melakukan pengamatan terhadap penompang struktur bangunan candi tersebut menduga ianya kemungkinan terdiri daripada kayu.<sup>48</sup> Walau bagaimanapun mengikut kepercayaan masyarakat setempat batu besar yang diduga sebagai penompang kepada struktur bangunan candi tersebut adalah batu yang berasal daripada istana lama Raja Kedah.<sup>49</sup>

#### 2.4.2.8 Kampung Matang Kedundong

Berdasarkan kepada laporan, kampung ini berada di antara jalan raya yang menghubungi Sungai Petani dengan Tikam Batu. Untuk sampai ke Kampung Matang Kedundong harus melalui Kampung Pokok Asam dan juga Kampung Jawa. Di Kampung Matang Kedundong, pasukan survei telah menemukan struktur bangunan candi yang terdiri daripada bata yang telah terdapat kesan seperti dibongkar. Masyarakat setempat juga menyatakan sekitar 20 tahun sebelumnya, lokasi tersebut telah didatangi oleh seorang wanita Eropah bersama-sama dengan beberapa pekerja, tetapi mereka tidak melakukan galicari, sebaliknya telah melakukan pengukuran terhadap batu di tapak tersebut.<sup>50</sup>

---

<sup>48</sup> Pelapik tiang yang kebanyakannya ditemui di Lembah Bujang juga mempunyai lubang pada bahagian tengahnya. Para sarjana juga telah bersepakat menyatakan ianya berperanan sebagai penompang bangunan candi . Kebanyakan daripada pelapik tiang tersebut dibuat daripada batu granit. Sementara bahagian penompang iaitu bermula daripada bahagian badan candi ke bahagian atap candi diduga berasal daripada bahagian binaan kayu.

<sup>49</sup> Raja Kedah yang dimaksudkan oleh penduduk tempatan seperti laporan di atas kemungkinan adalah ditujukan kepada Raja Bersiong. Perkara ini adalah lumrah kerana setiap temuan yang ditemui di sekitar Lembah Bujang masyarakat tempatan masih mempercayai ianya adalah milik Raja Bersiong.

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 220-223.

## **2.5 Penyelidikan Sekitar Tahun 60an Hingga 90an**

### **2.5.1 Alastair Lamb**

Lokasi penelitian dan galicari yang telah dilakukan oleh Alastair Lamb<sup>51</sup> lebih tertumpu kepada Tapak 8 ( candi Bukit Batu Pahat ). Seperti yang telah dijelaskan pada halaman yang terdahulu, Tapak 8 ini terlebih dahulu telah digali cari dan diteliti oleh Quaritch Wales sekitar tahun 1936-37. Alastair Lamb sebenarnya begitu tertarik terhadap peninggalan dua buah relikuari yang telah ditemui oleh Quaritch Wales semasa beliau melakukan galicari. Jika dibandingkan di antara kedua peneliti tersebut teknik yang digunakan oleh Quaritch Wales sewaktu melakukan galicari masih agak kurang lengkap jika dibandingkan dengan teknik yang telah diterapkan oleh Alastair Lamb sewaktu melakukan galicari di Tapak 8.

Berangkat dari temuan relikuari oleh Quaritch Wales, telah mendorong Alastair Lamb untuk melakukan galicari yang lebih meluas dan lebih teliti di Tapak 8 pada tahun 1958-59. Hasil daripada galicari yang telah dilakukan, Lamb telah menemukan enam buah relikuari yang terbuat dari batu granit. Dengan penemuan tersebut telah menjadikan jumlah relikuari yang telah ditemukan di Tapak 8 berjumlah lapan buah. Di dalam laporan galicari beliau, Lamb juga lebih mengarahkan perbincangannya terhadap peranan serta artifak yang dijumpai berada di dalam relikuari tersebut. Di dalam penelitian beliau terhadap relikuari, Lamb telah membahagikan kajiannya kepada 4 bahagian utama, iaitu bekas tembaga yang terdapat di bahagian tengah relikuari yang terdapat di dalam 8 lubang yang mengelilingi relikuari dan artifak di bahagian tengah relikuari.<sup>52</sup>

---

<sup>51</sup> Alastair Lamb adalah pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Pada masa tersebut Universiti Malaya telah berpusat di Kuala Lumpur.

<sup>52</sup> Untuk huraihan jenis-jenis artifak yang pernah ditemui di dalam semua bekas tembaga dari Tapak 8 ( Bukit Batu Pahat ) sila lihat Jadual 1, II dan III ( halaman 158 hingga 162 ) di dalam Bab 5 tesis ini.

Berdasarkan kepada temuan artifak pada lubang tengah keenam-enam relikuari yang telah ditemukan oleh Alastair Lamb hasil galicari di Tapak 8, Candi Bukit Batu Pahat, beliau telah membuat beberapa kesimpulan, pertamanya artifak pada lubang tengah relikuari tersebut mempunyai persamaan dan hubungan dengan artifak pada lapan lubang yang mengelilingi lubang tengah keenam-enam relikuari di Tapak 8. Keduanya, kepingan emas, perak dan tembaga yang mempunyai bentuk pasti mempunyai tujuan ritual yang berhubungan dengan keagamaan.<sup>53</sup>

Hasil daripada penyelidikan dan galicari yang telah dilakukan terutamanya berdasarkan artifak yang terdapat di dalam relikuari, Lamb juga berpendapat bahawa Candi Bukit Batu Pahat bukan merupakan sebuah candi ajaran Hindu semata-mata tetapi ia adalah sebuah candi yang berasal daripada ajaran Tantrik.

*“The reliquaries from the Sungai Batu Pahat temple, however do not seem to indicate a cult devoted to Siva alone. The presence of such a symbol as turtle, usually associated with vishu, and the eight seated female figures which do not appear to possess the attributes of either Parvati or Uma, all seem to suggest a Tantric cult”<sup>54</sup>*

Dari struktur bangunan Candi Bukit Batu Pahat, Lamb berpendapat ianya tidak mempunyai persamaan dengan struktur bangunan candi yang terdapat di India Selatan.<sup>55</sup> Hal tersebut didasarkan kepada temuan atas pelapik tiang daripada batu granit dengan jumlah 70 buah dan kesemuanya mempunyai lubang pada permukaan atasnya. Lamb menduga ianya adalah pelapik tiang kayu yang berfungsi sebagai tempat diletakkan atas penompang bangunan candi yang diduga adalah terdiri daripada kayu.

<sup>53</sup> Alastair Lamb, *Report on excavation and reconstruction of Candi Bukit Batu Pahat, Central Kedah*, reprint, No.1, Kuala Lumpur : Museum Departement, 1982, hlm. 74 - 90.

<sup>54</sup> Alastair Lamb, *Report on excavation and reconstruction ...*, hlm. 93.

<sup>55</sup> Alastair Lamb, “The temple on the river ...”, hlm. 66.

Suatu penemuan penting yang telah ditemukan oleh Alastair Lamb sewaktu beliau melakukan restorasi struktur bangunan candi ini adalah somasutra yang diduga pernah digunakan sebagai saluran untuk mengalirkan air keluar dari banguan candi semasa / setelah upacara di halaman tengah candi dilakukan dan air tersebut dianggap sebagai air suci.<sup>56</sup>

Selain daripada kajian seni bina candi di Tapak 8, Lamb juga pernah menjalankan galicari berhampiran dengan tebing sungai di Kampung Pengkalan Bujang. Ekoran daripada galicari tersebut, beratus-ratus serpihan tembikar tanah, *stoneware* buatan Cina, serpihan kaca dari Asia Barat dan manik yang diduga berasal daripada India telah dijumpai. Berdasarkan penemuan-penemuan ini, Lamb telah berpendapat bahawa kesemuanya adalah merupakan sisa barang perdagangan. Bahan-bahan ini jelas membuktikan bahawa Pengkalan Bujang pada waktu tersebut telah menjadi sebuah pelabuhan utama (*entrepot*) bagi rantau Asia Tenggara. Seterusnya Lamb telah membahagikan perkembangan kebudayaan di Lembah Bujang dan kawasan sekitarnya kepada empat kategori.<sup>57</sup>

- a) Peringkat Buddha awal ( dari abad 4-5 M ).
- b) Peringkat Srivijaya ( dari abad 7-9 M).
- c) Peringkat Pengkalan Bujang ( dari abad 10/11-14 M ) .

Lamb juga telah melakukan galicari di Tapak Permatang Pasir pada tahun 1961. Ekoran daripada kerja lapangan yang telah dilakukan , Lamb telah memberikan gambaran yang jelas berhubung dengan bentuk pelan candi berkenaan. Candi ini pada pendapat Lamb mempunyai dua bahagian, iaitu bahagian *vimana* dan *mandapa* seperti yang telah dijumpai pada candi-candi

---

<sup>56</sup> Alastair Lamb, " A model of the temple on the river of cut stone ", dalam *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 76.

<sup>57</sup> Alastair Lamb, " Miscellaneous papers ... ", hlm. 1-90.

aliran Hindu di Lembah Bujang. Walau bagaimanapun bahagian *mandapa* didirikan terpisah daripada *mandapa*. Menurut Lamb, jenis candi ( di mana *vimana* yang tidak bersambung dengan *mandapa* ) pernah dijumpai di Padang Lawas, Sumatera. Jenis candi ini mungkin lebih lewat iaitu di antar kurun ke 12 hingga kurun ke 15 M.<sup>58</sup>

### 2.5.2 B.A.V. Peacock

B.A.V. Peacock merupakan seorang pensyarah daripada University Malaya. Beliau merupakan seorang daripada penyelidik yang pernah melakukan penyelidikan bahan arkeologi di Lembah Bujang sekitar tahun 1960 an dan 1970 an. Pendapat yang paling menarik yang Peacock bahaskan adalah berhubungan dengan pengaruh yang terlibat di dalam mempengaruhi peninggalan candi yang terdapat di Lembah Bujang. Di antara perbahasan beliau adalah berhubung dengan struktur *vimana* dan juga *mandapa* pada sesebuah candi yang terdapat di Lembah Bujang. Pendapat yang beliau utarakan berpunca daripada struktur Candi Tapak 31 ( Kampung Permatang Pasir ). Berdasarkan kepada galicari yang telah dilakukan oleh Lamb didapati struktur yang diduga merupakan anjungan candi oleh Dorothy Wales dan Sullivan<sup>59</sup> merupakan sesuatu yang belum pernah dijumpai pada struktur candi di Lembah Bujang. Pendapat Peacock di dalam hal ini agak sama dengan Alastair Lamb. Berdasarkan ciri-ciri seperti seni bina termasuk penggunaan asas pelapik tiang kayu yang banyak dijumpai pada candi-candi di Lembah Bujang, Peacock telah mengambil kesimpulan kemungkinan candi yang terdapat di Lembah Bujang mempunyai struktur yang merata dan sama bentuknya termasuklah binaan candi yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu candi yang halaman *vimana* dan *mandapa* bersambung seperti pada Candi Tapak

---

<sup>58</sup> *Ibid.*, hlm. 16.

<sup>59</sup> B.A.V. Peacock, " New light on the ancient settlements of Kedah and Province Wellesley " dalam *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 82 - 88.

4 hingga Tapak 8 dan Tapak 11. Sementara selebihnya merupakan candi yang halaman *vimana* dan *mandapa* berpisah di antara satu sama lain.<sup>60</sup>

Sementara untuk Tapak 8 ( Candi Bukit Batu Pahat ) Peacock berpendapat kemungkinan ianya berperanan sebagai candi yang digunakan oleh berbagai kaum sama ada oleh golongan pendatang ataupun masyarakat tempatan yang tinggal di bahagian lembah sungai.<sup>61</sup> Peacock juga berpendapat peranan Candi Tapak 8 ( Bukit Batu Pahat ) juga mempunyai atap bercungkup dan ianya melambangkan sebagai unsur ritual dan sebagai perlambangan terhadap Gunung Jerai.<sup>62</sup>

### 2.5.3 Leong Sau Heng

Pada tahun 1970, satu kajian terhadap bahan keramik yang pernah dijumpai di Lembah Bujang telah dilakukan oleh Leong Sau Heng dari Universiti Malaya dan penyelidikan yang telah dilakukan merupakan satu kes kajian untuk penulisan tesis Sarjana Sasteranya.<sup>63</sup> Untuk tujuan tersebut tiga tapak galicari turut telah dibuka di sekitar Kampung Pengkalan Bujang bagi mendapatkan data. Perhatian yang teliti telah diberikan kepada stratigrafi segala jumpaan yang telah dijumpai. Hasil daripada kajian beliau telah menemukan sejumlah artifak yang berhubungan dengan unsur perdagangan seperti tembikar tanah, *stoneware* cina dari zaman dinasti Sung dan Yuan, pecahan kaca dari Asia Barat dan manik dari India. Berdasarkan kepada data-data yang telah diperolehi, Leong telah membuat

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, hlm. 87 - 88

<sup>61</sup> B.A.V Peacock, "Pillar base architecture in ancient Kedah" *JMBRAS*, vol. 47, ( Part 1 ), 1974, hlm. 86.

<sup>62</sup> *Loc.cit.*

<sup>63</sup> Leong Sau Heng, *A study of ceramic deposits...*, dan lihat artikel beliau "Collecting centres, feeder points and entrepot in the Malay Peninsula, 1000 B.C.- A.D. 1400", dalam : J. Kathirithamby-Wells and J. Villiers ( eds. ), *The Southeast Asian port and polity. rise and demise*, Singapore : Singapore University Press, 1990, hlm. 17 - 38.

kesimpulan bahawa Pengkalan Bujang bukanlah sebuah penempatan biasa tetapi ianya memang sebuah pusat perdagangan utama (*entrepot*) yang dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari Timur (pedagang Cina dan India), Barat dan Asia Barat. Pendapat Leong ini turut menyokong pendapat yang telah diutarakan oleh Lamb sebelumnya. Selain daripada Lamb belum ada pengkaji sebelumnya yang pernah melihat perkembangan Lembah Bujang sebagai pusat perdagangan serta peranannya sebagai pusat ekonomi yang dimainkan oleh Pengkalan Bujang.

Pengkaji-pengkaji terdahulu yang membuat kajian di Lembah Bujang seperti Wales lebih menumpukan kepada soal pengaruh Hindu-Buddha di Lembah Bujang sehingga mengabaikan status *entrepot* Lembah Bujang. Walau bagaimanapun kemungkinan minat untuk melakukan galicari arkeologi oleh Wales pada waktu tersebut lebih mengarah kepada orientasi mengesan sebanyak mungkin kawasan di Lembah Bujang yang telah menerima pengaruh Hindu-Buddha sahaja. Hal ini juga didukung oleh bantuan kewangan sepanjang Wales melakukan penyelidikan dibiayai oleh *Greater India Research Committee* yang berpusat di Calcutta.

#### **2.5.4 Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman**

Prof. Dato Dr. Nik Hassan Shuhaimi adalah di antara penyelidik tempatan yang telah melakukan galicari dan penelitian terhadap peninggalan Hindu-Buddha di Lembah Bujang sekitar awal tahun 1980 an.<sup>64</sup> Beliau juga pernah memimpin pasukan arkeologi ASEAN sewaktu melakukan galicari dan konservasi arkeologi di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, pada tahun 1985.<sup>65</sup>

---

<sup>64</sup> Lihat Nik Hassan Shuhaimi, *Art, archaeology and the early kingdoms ... , op.cit.*

<sup>65</sup> Lihat *Report of the Intra-ASEAN Archaeological excavation and conservation, Bujang Valley, Kedah, Malaysia, 1985*, Kuala Lumpur, 1985.

Hasil daripada pengamatan dan penelitian yang telah dilakukan, Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi berpendapat pada kedua lokasi iaitu Lembah Sungai Bujang dan Sungai Muda telah didasari oleh masyarakat yang mempunyai hubungan dengan India Selatan yang diduga berlaku sekitar abad 6-7 M. Hal ini didukung oleh penemuan empat inskripsi Buddha ( inskripsi Buddhagupta, inskripsi Bukit Meriam, inskripsi Sungai Mas dan inskripsi Tapak 2 oleh Quaritch Wales ). Keberadaan wilayah ini sebagai tapak Buddha juga didukung oleh penemuan arca Buddha dari Tapak 16 A, arca kepala Buddha dari Sungai Mas dan patung Hariti,<sup>66</sup> kesemuanya diduga sekitar abad 7 M.

Hasil daripada penelitian seterusnya di kedua lembah sungai tersebut telah diduga penempatan di sekitar Lembah Sungai Bujang dan Lembah Sungai Muda sekitar abad 8 dan 9 M adalah semakin kompleks berdasarkan kepada penemuan seramik cina dari dinasti Tang. Pada abad tersebut pengamalan Buddha Mahayana masih tetap diamalkan. Berdasarkan kepada tinggalan candi, klasifikasinya sebagai tapak Buddha di Kedah dapat dibahagi kepada 2 kategori , iaitu artifak dan tipologi candi.

Tinggalan candi di Lembah Sungai Bujang di Kedah dapat dikategorikan ke dalam jangka waktu abad 7-10 M, kerana mempunyai struktur tunggal, tetapi pada tapak 21 dan Tapak 22, ianya mempunyai tiga struktur dan struktur bangunan candi tersebut diduga bukannya *vimana-mandapa*. Sementara candi yang diduga sekitar abad 6-7 M adalah candi yang mempunyai struktur tunggal seperti yang terdapat di Sungai Mas, Sungai Trus, Guar Kepah, Bukit Meriam, Tapak 16 dan Tapak 17.

---

<sup>66</sup> Nik Hassan Shuhaimi, "Country Report On Past And On-Going Research In Malaysia On Srivijaya After 1979" SPAFA Consultative Workshop On Archaeological And Environmental Studies On Srivijaya (I-W2b), Jakarta, Padang, Prapat and Medan, Indonesia, September 16-30, 1985. Bangkok, SPAFA, 1985. Appendix 71, hlm. 232 - 332.

Dr. Nik Hassan Shuhaimi juga berpendapat lokasi Sungai Mas dan selatan Sungai Merbok adalah merupakan kewujudan kerajaan yang terawal di Kedah purba. Hal ini didasarkan kepada penemuan tiga daripada empat inskripsi di Kedah berasal daripada lokasi ini ( abad 6-7 M ). Keduanya adalah artifak arca Buddha, patung Hariti dan tablet yang mempunyai nama Buddha. Bukti ketiganya adalah penemuan tali pinggang emas oleh Quaritch-Wales di Sungai Trus ( Tapak 27 ).<sup>67</sup>

Quaritch-Wales berpendapat tali pinggang tersebut berasal daripada abad 13 M. Tetapi Dr. Nik Hassan Shuhaimi berpendapat ianya adalah sekitar abad 8 M. Pendapat Quaritch-Wales adalah berdasarkan kepada ukiran *kala* yang ditemui pada tali pinggang tersebut sama dengan image pada batu di Sungai Langsat , Sumatera. Tetapi Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi berpendapat ianya adalah berbeza kerana Kala Sungai Trus adalah hampir kepada ukiran Kala yang terdapat di Dataran Candi Dieng dan Candi Kalasan.

Bukti seterusnya adalah temuan seramik dari dinasti Tang dan awal dinasti Sung serta seramik dari Timur Tengah, yang dijumpai pada satu lapisan dengan seramik dari dinasti Tang. Hal ini menguatkan lagi dugaan ianya berasal dari abad 7 dan akhir. Berdasarkan kepada pengamatan Lamb pada abad 9 dan awal abad 10 M, Lembah Bujang dan Pengkalan Bujang menjadi semakin penting. Hal ini didasarkan kepada laporan Lamb yang menemukan sekitar 100,000 pecahan tembikar cina, *stoneware* dan pecahan tembikar tanah dalam jumlah yang besar, disamping pecahan kaca dan botol yang dipercayai dari Timur Tengah ( Mesir dan Syria ), manik dari kaca, agate dan *terracotta*. Beliau menduga ianya adalah percampuran dengan buatan tempatan, Thailand, Indo-China dan Timur Tengah. Berdasarkan kepada hal tersebut Alastair Lamb

---

<sup>67</sup> Nik Hassan Shuhaimi, *Art, archaeology and the early kingdoms...*, op.cit., hlm. 234.

menduga Pengkalan Bujang pernah pada suatu ketika dahulu berperanan sebagai pelabuhan entrepot.<sup>68</sup>

Faktor kedua adalah penemuan candi dengan jumlah yang banyak di Lembah Bujang dan juga jenis candi yang terdapat. Perbincangan candi-candi dibahagi kepada dua bahagian iaitu *vimana* dan *mandapa*. Terdapat tiga jenis yang dikesan iaitu:

a) Jenis Vaulted.

-Jenis ini ditemukan di tapak 19, Lembah Bujang.

b) Jenis *vimana-mandapa* bersambung.

-Iaitu dua bahagian candi yang bersambung seperti pada Tapak 5, 11/3, 8 dan 49 di Lembah Bujang dan Tapak 31 dan 24 di Lembah Muda.

c) Jenis *vimana-mandapa* tidak bersambung.

-Jenis yang ketiga adalah dua bahagian *vimana-mandapa* pada struktur bangunan candi yang terpisah, contohnya adalah seperti pada candi yang terdapat di tapak 6, 13, 16 dan 50 di Lembah Bujang. Kesemua candi ini diduga sekitar abad 10-13 M serta diduga berasal dari ajaran Sivaisme. *Vimana* adalah merupakan bahagian sakral di dalam sesebuah candi dan di kawasan ini kegiatan keagamaan dilakukan. Sementara *mandapa* adalah merupakan kawasan profan, iaitu di mana persiapan dilakukan sebelum upacara keagamaan dimulakan di halaman *vimana*.

Dr. Nik Hassan Shuhaimi telah membahagikan penempatan di Lembah Bujang dan Lembah Muda kepada 2 fasa, pertama adalah fasa Buddha yang bermula dari 6 M - Pertengahan abad 9 M. Di antara penempatan yang terpenting

---

<sup>68</sup> Alastair Lamb, "Pengkalan Bujang : an ancient port in Kedah , " dalam *Lembah Bujang* , Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 80.

pada abad tersebut adalah seperti di Sungai Mas, termasuklah bahagian selatan Sungai Muda.<sup>69</sup>

Fasa kedua menurut pendapat Prof. Nik Hassan Shuhaimi adalah perkembangan dari abad 9-13/14 M. Dalam era ini di antara lokasi yang terpenting adalah Pengkalan Bujang yang juga diduga merupakan sebuah pelabuhan *entrepot* pada zamannya. Wilayah Pengkalan Bujang pada waktu tersebut diduga juga telah menerima / mengamalkan ajaran Sivaisme, ajaran ini termasuklah bahagian tengah dan atas Sungai Bujang dan di sepanjang Sungai Merbok Kecil. Hanya sekitar abad 9 M agama yang menjadi anutan utama telah berubah daripada Hindu kepada Buddha Mahayana. Sementara pada abad 10 M ajaran Sivaisme mula berkembang kembali terutama sekitar Pengkalan Bujang dan kawasan sebelah utaranya termasuklah pada bahagian tengah dan atas Sungai Bujang dan sepanjang Sungai Merbok Kecil.<sup>70</sup> Bertitik tolak daripada perbincangan di atas Prof. Nik Hassan Shuhaimi juga telah memasukkan perkembangan agama di Pengkalan Bujang sebagai klasifikasi keduanya yang bermula dari abad 10 M sehingga kedatangan Islam sekitar abad 13 M.

#### **2.5.5 Sumbangan Kerja-kerja Arkeologi Di Lembah Bujang Oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara**

Perkembangan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah membawa kepada penubuhan Muzium Arkeologi Lembah Bujang pada tahun 1976. Salah satu tujuan penubuhannya adalah untuk melakukan survei dan galicari arkeologi bagi mendapatkan gambaran lengkap berhubung perkembangan budaya di Lembah Bujang sekitar abad ke 4 hingga abad ke 14 M. Sepanjang tempoh di antara tahun 1970 an sehingga 1990 an , penyelidikan oleh kakitangan Jabatan

---

<sup>69</sup> Nik Hassan Shuhaimi, *Art, archaeology and the early kingdoms...*, hlm. 237.

<sup>70</sup> *Ibid.*, hlm. 238.

Muzium dan Antikuiti Negara pernah dilakukan oleh Al-Rashid ( Tapak 8 ), Adi Hj. Taha ( Tapak 17, 21 dan 22 ), Kamaruddin Zakaria ( Tapak 23, 32 )<sup>71</sup> dan baru-baru ini pada bulan Jun 1997, penulis sendiri telah melakukan galicari di Tapak 8 a ( proses galicari masih lagi diteruskan ). Ekoran daripada kerja-kerja galicari dan hasil yang telah diperolehi oleh kakitangan Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara di Lembah Bujang turut menarik minat di kalangan sarjana luar negara. Salah satu contohnya apabila pada tahun 1985 Michel Jacq-Hergoualc'h seorang sarjana Perancis telah mengunjungi Lembah Bujang dan melakukan survei sewaktu galicari Tapak 23 dilakukan. Hasil daripada survei yang telah dilakukan oleh Michel akhirnya telah melahirkan sebuah buku yang khusus membahas mengenai perkembangan perdagangan dan kebudayaan di Lembah Bujang daripada abad ke 5 hingga abad ke 15 M.<sup>72</sup>

Semenjak penyelidikan arkeologi ditumpukan di Lembah Bujang bermula buat pertama kali pada tahun 1840 oleh Kolonel James Low sehingga tahun 1994 jumlah Tapak Tanah Bersejarah di Lembah Bujang telah meningkat daripada 36 buah tapak kepada 37 tapak hasil daripada survei yang dilakukan pada tahun 1996 dengan ditemui struktur daripada laterit di Seberang Prai Utara ( Kampung Rantau Panjang ) dan pada tahun 1997 telah meningkat lagi kepada 41 buah tapak. Daripada jumlah tersebut 3 buah tapak telah ditemui di Bukit Batu Pahat . Sebuah tapak tersebut telah mula digalicari oleh kakitangan Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Tapak tersebut telah diberi nama Tapak 8 a. Tapak yang baru digalicari ini berada sekitar 100 meter daripada Tapak 8. Hasil daripada galicari yang baru dilaksanakan telah menamparkan susunan batu sungai yang disusun secara memanjang. Tapak ini telah dicadangkan untuk diteruskan galicari untuk

---

<sup>71</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Kamaruddin Zakaria, "Recent archaeological discoveries in Sungai Mas, Kuala Muda , Kedah ", *JMBRAS*, vol. 66 ( 2 ), 1993, hlm. 73 - 80.

<sup>72</sup> Michel Jacq-Hergoualc'h, *La civilisation de ports-entrepos du sud Kedah (Malaysia) Ve-XIVe Siecle*, Paris : L' Harmattan, 1992.

tempoh satu tahun. Manakala 3 tapak lagi berada di sebelah kanan Candi Tapak 8 dan berjarak sekitar 500 meter. Di salah satu daripada tapak ini susunan yang terdiri daripada batu-bata telah ditemui dan menampakkan struktur bangunan yang berbentuk empat segi sementara sebuah buah tapak lagi seakan menunjukkan longgokan batu sungai yang diduga sebagai bahan binaan yang sengaja ditempatkan untuk digunakan sebagai bahan binaan. Walau bagaimanapun jawapan yang tepat akan diketahui apabila galicari dilaksanakan dengan sepenuhnya pada tahun 1998 hingga tahun 2000. Penemuan ini difikirkan oleh penulis amat menarik kerana ianya akan dapat memberikan sedikit jawapan kepada Candi Tapak 8 ( Bukit Batu Pahat ) kerana tapak baru ini berada di sebelah kiri dan kanan Candi Tapak 8 dan sekiranya ianya menepati dengan apa yang difikirkan kemungkinan Candi Tapak 8 mempunyai beberapa candi yang bertindak sebagai candi apit. Di Estet Sungai Batu sebuah tapak lagi telah ditemui. Di tapak ini menampakkan struktur berlapis daripada batu sungai.

Memandangkan kepada kepesatan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah turut dipandang berat oleh Muzium Arkeologi Lembah Bujang dengan menyusun kembali pendaftaran artifak yang telah ditemui di sekitar Lembah Bujang di samping mempamerkan segala artifak penting yang telah ditemui untuk kesedaran dan tujuan pendidikan kepada masyarakat umum. Koleksi artifak ini sekarang dipamerkan di ruang galeri Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Memandangkan koleksi yang telah siap didaftar semakin meningkat sebuah galeri tambahan telah didirikan untuk tujuan tersebut. Menyedari akan pentingnya aspek pendidikan kepada umum maka Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara telah memindahkan 3 buah candi daripada tempat asalnya ke kawasan persekitaran Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Pemindahan ini dilakukan bukan hanya atas dasar tarikan pelawat tetapi diambil kira penempatan asal candi berkenaan sering dilanda bencana alam seperti banjir dan juga dikhuatiri akan dirosakkan jika tiada penjagaan yang sempurna. Pemindahan Candi Tapak 21 ( Pengkalan Bujang ), Candi Tapak 16 ( Kampung

Pendiat ) dan Candi Tapak 50 ( Kampung Bendang Dalam ) telah dilakukan pada akhir tahun 1970 an dan awal 1980 an. Pemindahan ini dilakukan dengan merekod kembali setiap batuannya sehingga menepati bentuk asalnya.

Selain daripada itu penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang juga turut disebarluaskan oleh Muzium Arkeologi Lembah Bujang dengan pernah menjadi lapangan latihan galicari untuk mahasiswa arkeologi Universiti Malaya ( pada tahun 1979 dan 1980 ) dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1980 an. Sementara untuk tempoh lima tahun lagi bermula tahun 1999 hingga tahun 2005 usahasama galicari dan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang direncanakan akan disambung kembali dengan melibatkan Institusi Pengajian Tinggi tempatan.